

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 APRIL 2016

Pan Borneo besar ertinya untuk rakyat Sarawak – Najib

KUALA LUMPUR 18 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, projek Lebuh Raya Pan Borneo (Pan Borneo) Sarawak amat besar ertinya kepada penduduk negeri itu untuk mereka menikmati sistem perhubungan darat yang lebih selesa dan moden.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan projek berkenaan tidak akan mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu seperti dalam projek Empangan Hidro Elektrik Bakun.

Perdana Menteri yang melancarkan Fasa Keempat projek itu semalam berkata, selain mewujudkan peluang pendapatan, projek yang menelan kos RM1.7 bilion itu akan turut membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat bumiputera Sarawak yang terlibat dalam pembinaan lebuh raya itu.

“Dahulu, ada yang menjanjikan projek mega di Sarawak seperti empangan Bakun, tetapi bukan sahaja empangan tersebut lambat siap dan bajetnya melambung, bahkan apa yang penduduk setempat di kawasan empangan dapat hanyalah melihat projek mega itu tetapi mereka masih tiada bekalan elek-

trik.

“Pagi semalam, saya telah melancarkan Fasa Keempat Projek Lebuh Raya Pan Borneo bagi jajaran Simpang Bintangor ke Jambatan Sungai Kua. Saya beri jaminan bahawa projek ini tidak akan mengulangi kesilapan yang dilakukan oleh pemimpin terdahulu seperti dalam projek empangan Bakun,” katanya dalam laman sosial Facebook milik beliau hari ini.

Semalam, Perdana Menteri melancarkan pembinaan projek lebuh raya itu membabitkan jajaran dari Simpang Bintangor hingga ke Jambatan Sungai Kua yang merupakan pakej keempat daripada 12 pakej dalam projek Pan Borneo Sarawak.

Jajaran ini membabitkan jarak sejauh 76.2 kilometer melibatkan kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada dari dua lorong kepada empat lorong, pembinaan dua persimpangan bertingkat, 79 hentian bas, tujuh jejantas, 46 pusingan U dan sebuah hentian rehat di Julau.

Projek pakej keempat menelan kos RM1.7 bilion itu akan menawarkan kontrak bernilai RM533.8 juta kepada 68 syarikat kontraktor bumiputera tempatan.

UM-19/4/2016